

Media Title : Kosmo
Headline : Scammer licik guna waran tangkap
Date : 21 June 2023
Section : Negara/
Page : 17



Taktik baharu sindiket hubungi mangsa guna notis kehadiran berlogo polis

Scammer licik guna waran tangkap

Oleh ASLIZA MUSA

IPOH – Polis Perak mengesahkan modus operandi terbaru scammer yang memperdayakan mangsa menggunakan paparan waran tangkap atau notis kehadiran yang mempunyai logo polis sukan keselamatan itu.

Ketua Polis Perak, Datuk Seri Mohd. Yusri Hassan Basri berkata, setakat ini, dua laporan polis diterima daripada mangsa yang tertipu dengan modus operandi berkenaan yang melibatkan kerugian mencecah ribuan ringgit.

Katanya, lebih licik lagi apabila sindiket berkenaan turut menggunakan tandatangan Ketua Polis Perak dan Ketua Polis Perlis.

"Kes pertama pada Rabu lalu membabitkan seorang peniaga kedai makan di Teluk Intan yang menerima panggilan telefon kononnya terdapat kiriman bungkus mengandungi barang ter-



SINDIKET kini semakin bijak apabila menggunakan waran tangkap dan notis kehadiran untuk menipu mangsa.

larang atas namanya.

"Mangsa juga dikatakan terlibat dengan kes berkaitan dadah dan pengubahan wang haram

selain mempunyai waran tangkap polis," katanya di sini semalam.

Menurut beliau, notis keha-

diran yang mempunyai logo polis dan penjawatan Ketua Polis Perak telah dihantar oleh sindiket berkenaan ke telefon bimbit

mangsa.

Bagaimanapun, katanya, dalam kes itu mangsa tidak terpedaya dan tidak mengalami kerugian sebaliknya hadir ke bala polis bagi membuat laporan.

"Kes kedua pula membabitkan seorang pensyarah di sebuah universiti di Perak yang menerima notis kehadiran mempunyai logo polis dengan ditandatangani Ketua Polis Perlis.

"Mangsa yang takut kerana didakwa terlibat kes penyeludupan dadah dan penggelapan wang berjumlah RM2.8 juta telah mendedahkan maklumat peribadi dan banknya hingga mengalami kerugian sebanyak RM98,000," katanya.

Menurut beliau, orang ramai dinasihatkan agar tidak mempercayai sebarang urusan berkaitan wang dan perbankan melalui talian telefon sebaliknya membuat pemeriksaan secara bersama-sama dengan pihak berkaitan.